

**Kelab pro-BN sumbang RM2j pada wartawan, NGO
MalaysiaKini.com
April 9, 2013
Oleh Susan Loone**

Tiga pertubuhan wartawan menerima sumbangan RM50,000, manakala lebih 100 NGO lagi menerima antara RM5,000 hingga RM5000 dalam satu majlis yang dihadiri jutawan Low Taek Jho, atau lebih dikenali sebagai Jho Low.

Sumbangan berjumlah RM2.2 juta itu disalurkan kepada kumpulan terbabit dalam satu majlis anjuran satu kumpulan pro-BN, Kelab Kebajikan Pulau Pinang 1Malaysia.

Seramai kira-kira 5,000 orang menyertai majlis makan malam anjuran Persatuan Seni Bela Diri Zhou Jia Quan di padang Kolej Han Chiang.

Selain Low, turut hadir dalam majlis tersebut adalah koordinator BN Komtar Loh Chye Teik dan presiden Kelab Kebajikan Pulau Pinang 1Malaysia Geh Choh Hun.

Zhou Jia Quan serta tiga organisasi media – Kelab Wartawan Pulau Pinang, Persatuan Wartawan dan Jurugambar Pulau Pinang (Pewaju) dan Kesatuan Wartawan Malaya Utara – masing-masing menerima sumbangan RM50,000.

Dua NGO menerima RM20,000 dan selebihnya RM5,000 setiap satu.